

06 JUL 1996

LEAD Mahathir-MCA

MAHATHIR SARAN PEMBAHARUAN DALAM HUBUNGAN MELAYU-CINA

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya masyarakat Cina melakukan pembaharuan sewajarnya agar kerjasama mereka dengan orang Melayu menerusi MCA dan UMNO menjadi lebih rapat dan berkesan.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata beliau tidak hendak mencadangkan bentuk pembaharuan itu kerana beliau yakin ahli-ahli sosiologis di kalangan orang Cina mampu mengkaji dan mencadangkannya.

Dr Mahathir berkata melalui pembaharuan ini, ia dapat mengurangkan kemungkinan tumpuan kepada perkara-perkara yang negatif dengan melupakan yang positif yang begitu banyak dinikmati oleh masyarakat Cina.

Berucap di perhimpunan agung tahunan MCA ke-43 di sini, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata politik negara akan menjadi tegang dan ekonomi akan merosot jika UMNO dan MCA, dua parti komponen BN, tidak bersikap sederhana dan tidak bekerjasama.

Beliau berkata tidak ada sesiapa yang beruntung jika keadaan itu dibenarkan berlaku.

"Lihatlah keadaan di negara lain, di mana sikap keterlaluan mempengaruhi politik, tidak ada kemajuan ekonomi yang dicapai. Sebaliknya ekonomi hancur dan semua pihak tidak memperolehi apa-apa," kata beliau.

Lebih 2,000 orang perwakilkan menghadiri perhimpunan dua hari itu.

Dr Mahathir berkata seperti juga orang Melayu dengan sebutan "Melayu Baru" mereka, masyarakat Cina perlu kepada pembaharuan untuk "bertemu dengan orang Melayu dan Bumiputera lain di pertengahan jalan".

Beliau juga menggesa masyarakat Melayu dan Cina supaya menghitung nikmat yang mereka perolehi daripada dasar-dasar kerajaan.

"Pepatah Inggeris berkata 'count your blessings'. Apabila kita hitungkan nasib baik kita, maka kita akan rasa lebih tenang.

"Dengan kedua-dua pihak berbuat demikian maka negara kita akan terus stabil dan terus maju. Dan kemajuan ini tetap akan dinikmati, dikecapi, dirasakan oleh semua kaum," kata Dr Mahathir.

Beliau mengajak para perwakilan MCA supaya memperingati sejarah kerjasama Umno dan MCA dan hasil yang gemilang daripadanya kerana melaluinya "kita akan lebih berhati-hati dalam memelihara perhubungan itu dan mengelak daripada membangkitkan perkara-perkara yang kontroversial yang akan meretakkan hubungan yang kuat ini".

Perdana Menteri berkata beliau perlu menyebut tentang sejarah kerjasama itu memandangkan ramai orang Cina terutama daripada golongan muda tidak begitu puas hati dengan kesederhanaan MCA dan kesanggupannya untuk bekerjasama dengan Umno.

Ramai orang Cina terutama di bandar-bandar menuntut supaya MCA lebih 'chauvinistic' (kebanggaan yang kadangkala fanatik terhadap bangsa) dan menuntut hak orang Cina dalam bidang ekonomi dan pelajaran tanpa mempedulikan keamanan politik negara, kata beliau.

"Mereka ini terlalu sempit pemikiran mereka dan tidak mahu mengakui pengorbanan yang dibuat oleh Umno dan orang Melayu juga," kata Dr Mahathir.

Justeru itu, mereka sering menyokong parti lawan yang bersikap perkauman yang tebal dan suka membaca berita-berita kononnya hak orang Cina tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa dasar ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kini Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan dasar pelajaran yang diamalkan adalah adil dan baik untuk semua pihak.

Dr Mahathir berkata di Malaysia, pelajaran dalam bahasa ibunda serta penggunaan bahasa dan tulisan sendiri dibenarkan asalkan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) diberi tempat yang sewajarnya.

"Di negara lain, ingin saya menarik perhatian, bukan sahaja pelajaran dalam bahasa ibunda tidak dibenarkan tetapi nama pun perlu ditukar," kata beliau.

Perdana Menteri berkata tahun ini genap 45 tahun perjalinan kerjasama di antara MCA dan Umno yang telah melalui banyak cabaran dan krisis.

Tetapi kerana adanya pemikiran yang waras, adanya 'common sense' (akal sihat), baik di kalangan pemimpin mahupun di kalangan ahli-ahli kedua-dua buah parti pengasas Perikatan (Alliance) (sekarang BN) ini, semua krisis dan ketegangan dapat diatasi, kata Dr Mahathir.

"Setiap kali kita mengatasi masalah perhubungan di antara MCA dan Umno, ikatan kita menjadi lebih rapat dan lebih kuat...tidak syak lagi bahawa ikatan dan kerjasama di antara MCA dan Umno menjadi tunjang kepada kekuatan BN," katanya.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai usaha kerajaan meningkatkan kecekapan dan kemahiran tenaga manusia dan juga kemasukan banyak pelabur asing ke Malaysia serta penglibatan usahawan tempatan dalam projek di negara lain.

"Kedudukan negara kita sudah jauh berubah. Malaysia sudah tidak lagi menjadi negara yang tidak siapa kenal, bahkan di mana-mana juga, Malaysia dan rakyat Malaysia terkenal," kata beliau. -- BERNAMA

ES MAI